KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2014

9 Januari

Dalam ucapannya pada pelancaran Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia, Timbalan Gabenor Dato' Muhammad bin Ibrahim berkata industri perkhidmatan wang sedang melalui transformasi yang penting bagi mewujudkan tahap profesionalisme yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan enakmen Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011. Beliau menjangkakan Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia akan memainkan peranan yang proaktif untuk meningkatkan imej industri, termasuk mewujudkan kod etika industri, mendidik pengguna berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan dan berganding bahu dengan pihak berkuasa yang berkaitan bagi membantu mencegah pemindahan dana haram dan kegiatan yang tidak dibenarkan.

15 Januari

Untuk meneruskan agenda nasional "Hijaukan Alam Sekitar Anda" yang sedang berlangsung, Bank menggalakkan penggunaan wang kertas RM1 dan RM5 yang sesuai untuk edaran semula semasa sambutan Tahun Baharu Cina. Objektif utama kempen ini adalah untuk memastikan kelestarian sumber dan pemuliharaan alam sekitar. Kempen ini merupakan langkah usaha sama antara Bank Negara Malaysia, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia, Malaysian Environmental NGOs dan Yayasan Anak Warisan Alam.

29 Januari

Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3% pada mesyuarat MPC yang pertama pada tahun ni. MPC menyatakan bahawa ekonomi global terus mengembang pada kadar yang sederhana. Di dalam negeri, peningkatan eksport telah menyokong ekonomi Malaysia dengan permintaan dalam negeri kekal kukuh.

Pada mesyuarat yang seterusnya pada 6 Mac, MPC mengekalkan kadar OPR pada paras yang sama. MPC membuat penilaian bahawa pengembangan ekonomi global kekal sederhana. Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini menunjukkan peningkatan selanjutnya dalam eksport dan perbelanjaan pelaburan sektor swasta terus berkembang. Walau bagaimanapun, MPC menyatakan bahawa permintaan dalam negeri dijangka sederhana, mencerminkan konsolidasi sektor swasta yang berterusan dan pertumbuhan penggunaan swasta yang cenderung ke arah pertumbuhan purata jangka panjangnya. Sementara itu, inflasi telah meningkat secara beransur-ansur disebabkan oleh gangguan dalam bekalan akibat keadaan cuaca yang buruk dan kenaikan kos dalam negeri.

MPC terus membuat penilaian terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan global dan dalam negeri serta implikasinya terhadap prospek keseluruhan bagi inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. MPC juga terus memantau tanda-tanda risiko ketidakstabilan daripada ketidakseimbangan kewangan.

12 Februari

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada suku keempat 2013 (S3 13: 5.0%), disokong oleh permintaan sektor swasta dan peningkatan eksport. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang, disokong oleh aktiviti dalam negeri dan perdagangan. Secara keseluruhan bagi tahun 2013, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7%.

19 Mac

Bank mengumumkan penerbitan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran bagi tahun 2013.

Semasa sidang akhbar, Gabenor Dr. Zeti mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2013 didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Meskipun persekitaran luaran lebih lemah pada separuh pertama tahun 2013, permintaan dalam negeri terus berdaya tahan sepanjang tahun 2013, didorong oleh aktiviti sektor swasta yang teguh. Dari segi penawaran, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang terus kukuh menyumbang kepada pengembangan aktiviti berkaitan dalam negeri bagi sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sementara itu, pertumbuhan sektor pembinaan yang terus kukuh didorong terutamanya oleh aktiviti yang pesat dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam.

Inflasi meningkat sebanyak 2.1% pada tahun 2013 (2012: 1.6%), disebabkan oleh faktor kos dan bekalan dalam negeri yang lebih tinggi, berikutan pelarasan menaik terhadap harga ditadbir dan kekurangan bekalan dalam negeri akibat cuaca buruk. Meskipun terdapat pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh dan peningkatan gaji yang mampan pada tahun itu, kapasiti produktif yang mencukupi dalam ekonomi telah membantu membendung tekanan permintaan.

Dari segi prospek pertumbuhan, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2014, dan diunjurkan berkembang sebanyak 4.5%-5.5%. Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Inflasi diunjurkan pada purata 3%-4% pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh faktor kos dalam negeri.

Dari segi sistem kewangan, Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa kestabilan kewangan domestik terpelihara dengan baik pada tahun 2013, sekali gus menghasilkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebahagian besar daripada keutamaan pengawalseliaan oleh Bank pada tahun 2013 tertumpu pada pelaksanaan sepenuhnya Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act, IFSA) yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013. Gabenor turut menekankan bahawa pembangunan tenaga mahir terus menjadi keutamaan yang penting, dengan tumpuan khusus pada usaha meningkatkan lagi tahap pencapaian dalam standard untuk kualiti, profesionalisme dan etika.

Dengan prospek pemulihan ekonomi global bertambah baik pada tahun 2014, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa institusi kewangan Malaysia terus berada pada kedudukan yang baik untuk menguruskan risiko luaran berikutan peralihan daripada dasar monetari yang tidak konvensional dalam ekonomi maju.

Bank mengumumkan bahawa fi baharu untuk memproses cek sebanyak 50 sen hanya akan berkuat kuasa 2 Januari 2015 dan bukan 1 April 2014 seperti yang diumumkan sebelum ini. Lanjutan tempoh ini membolehkan penyediaan peranti yang diperlukan bagi memudahkan penerimaan e-pembayaran secara menyeluruh terutamanya oleh agensi Kerajaan peringkat persekutuan dan negeri di seluruh Malaysia.

Bank mengumumkan bahawa berkuat kuasa 2 Januari 2015, Kadar Asas akan menggantikan Kadar Pinjaman Asas (base lending rate, BLR) sebagai kadar rujukan utama bagi pinjaman runcit kadar terapung. Rangka kerja baharu ini bertujuan untuk memberikan kadar rujukan yang lebih telus bagi memudahkan pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Kadar Asas ini juga akan menunjukkan dengan lebih jelas perubahan dalam kos yang disebabkan oleh dasar monetari dan keadaan pembiayaan pasaran, dan pada masa yang sama menggalakkan disiplin dan kecekapan yang lebih tinggi dalam kalangan institusi kewangan berhubung dengan penentuan harga pinjaman produk pembiayaan runcit.

Bagi mematuhi keperluan IFSA, institusi perbankan Islam kini dikehendaki mengklasifikasikan semula penerimaan wang daripada pelanggan kepada Deposit Islam atau Akaun Pelaburan. Institusi perbankan Islam akan berhubung dan berbincang dengan pelanggan mereka untuk membolehkan pelanggan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Proses ini dijangka mengambil masa dua tahun. Dalam tempoh peralihan itu, semua deposit Islam (yang diterima di bawah Akta Perbankan Islam yang telah dimansuhkan) akan terus dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan institusi perbankan Islam juga akan memastikan hak pelanggan dijaga.

1 April

Dalam ucapan semasa pelancaran Indeks Kepimpinan Asia (Asian Leadership Index, ALI) oleh Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF), Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa ALI merupakan sebahagian daripada rantaian penting penyelidikan global mengenai ciri-ciri yang dijangkakan daripada pemimpin dalam dunia hari ini yang semakin pesat berubah dan semakin mencabar. Berikutan Asia menjadi semakin bertambah penting dalam landskap global, ALI diharapkan dapat menyumbang ke arah pemahaman yang lebih mendalam tentang apakah yang perlu dilakukan oleh pemimpin perniagaan di Asia untuk mendapat kekuatan dan komitmen yang lebih tinggi daripada pengikut mereka yang paling utama, lebih-lebih lagi dalam persekitaran antarabangsa yang kekurangan tenaga mahir yang berkualiti tinggi.